



MALYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD (7994-D)

NOTIS PERLINDUNGAN DATA

Memandangkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta tersebut") telah berkuatkuasa pada 15 November 2013 dan menurut Seksyen 7 Akta tersebut, kami dengan ini memberi kepada anda notis berikut:

Kami, MALYSIAN RESOURCES CORPORATION BERHAD (7994-D), subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkaitan kami (selepas ini dirujuk sebagai "Kumpulan MRCB" atau "kami" atau "kita"), akan menggunakan informasi dan data peribadi anda seperti nama anda, tanda hormat, gambar, nombor kad pengenalan atau pasport, jantina, bangsa, etnik, kewarganegaraan, tarikh lahir, umur, alamat, butiran perhubungan, butiran kad kredit, status perkahwinan, butiran keluarga terdekat, butiran pekerjaan dan pendapatan anda, butiran pinjaman, butiran hartanah, butiran pengenalan, data gaya hidup dan data lain yang relevan yang dikumpul daripada anda, bagi tujuan:

- (1) memproses apa-apa permohonan yang dihantar oleh anda;
- (2) memudahkan transaksi pembelian atau pajakan/penyewaan anda dan menyediakan perjanjian jualbeli atau perjanjian pajakan/penyewaan;
- (3) menjalankan obligasi-obligasi berhubung dengan transaksi pembelian atau pajakan/penyewaan anda termasuk tetapi tidak terhad kepada penyerahan milikan kosong, pengurusan hartanah, jagaan pelanggan, kerja pembaikan kecacatan, perkhidmatan rumah kelab, keselamatan dan program kesetiaan pelanggan;
- (4) menjalankan penyelidikan pemasaran mengenai perancangan, produk, barangan dan perkhidmatan;
- (5) menghantar pengemaskinian, risalah, bahan-bahan pengiklanan dan promosi, bahan-bahan komersial, memproses invoice dan pembayaran, jika berkenaan;
- (6) yang berkaitan dengan operasi, pentadbiran, pengurusan, pembangunan, rekod simpanan, penguatkuasaan transaksi kontrak dan komunikasi;
- (7) melapor kepada mana-mana pihak berkuasa relevan;
- (8) membalas apa-apa tuntutan atau proses perundangan;
- (9) untuk menyediakan dan menyerahkan apa-apa tuntutan dan pembayaran kepada mana-mana pihak atau untuk tujuan audit/pemeriksaan oleh mana-mana pihak untuk apa-apa tujuan berhubung dengan perniagaan Kumpulan MRCB.

Kami mungkin menyimpan informasi dan data peribadi anda untuk suatu tempoh yang munasabah bagi membolehkan kami menghubungi anda berkenaan dengan produk, perkhidmatan dan promosi kami pada masa akan datang.

Kami mungkin mendedahkan atau berkongsi informasi dan data peribadi anda tersebut, yang dikumpulkan daripada informasi yang diberikan oleh anda kepada kami melalui e-mel dan/atau surat atau pelbagai borang dan/atau laman web kami, kepada rakan kongsi dan rakan perniagaan kami seperti berikut:

- (1) mana-mana syarikat dalam Kumpulan MRCB;
- (2) mana-mana pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada kontraktor, pembekal, konsultan, peguam, ejen, juruaudit, majikan, rakan kongsi, rakan kongsi usahasama, pengiklan, pembeli, operator rangkaian, syarikat pengurusan hartanah, pembekal perkhidmatan dan produk (termasuk mereka yang membantu kami menyediakan laman web), syarikat rakan perniagaan, mana-mana pihak berkuasa relevan (kerajaan/bukan kerajaan), kedutaan, badan berkanun, badan regulatori dan institusi kewangan Kumpulan MRCB;
- (3) mana-mana orang yang mempunyai kewajiban kerahsiaan terhadap Kumpulan MRCB;
- (4) organisasi yang menyediakan perkhidmatan arkib, nasihat profesional, pungutan hutang, insurans, pemasaran, perbankan, pengiklanan, mailhouse, penyerahan, perekrutan, pusat panggilan, teknologi, penyelidikan, utiliti, program kesetiaan dan perkhidmatan keselamatan.

Bagi tujuan ini, kami atau rakan kongsi dan rakan perniagaan kami mungkin akan menghubungi anda melalui pos, e-mel, telefon, SMS, faks atau apa-apa jenis komunikasi elektronik untuk memaklumkan anda mengenai produk, perkhidmatan dan promosi kami yang mungkin anda berminat. Tetapi:

- sila tandakan kotak ini sekiranya anda tidak mahu menerima informasi tersebut daripada Kumpulan MRCB tetapi haruslah diingati bahawa ianya akan mengelakkan anda daripada menerima apa-apa tawaran atau promosi khas dan menarik daripada kami;
- sila tandakan kotak ini sekiranya anda tidak mahu menerima informasi tersebut daripada rakan kongsi dan rakan perniagaan kami.

Dengan mengembalikan borang ini kepada kami, anda bersetuju kepada kami memproses informasi dan data peribadi anda bagi tujuan di atas. Anda juga bersetuju kepada kami memindahkan informasi dan data peribadi anda ke suatu negara di dunia yang tidak memperuntukkan perlindungan data pada tahap yang sama dengan Malaysia di mana Kumpulan MRCB mempunyai urusan dengannya, sekiranya perlu bagi tujuan di atas. Sekiranya kami membuat pemindahan tersebut, kami akan mengambil langkah yang bersesuaian untuk memastikan informasi dan data peribadi anda adalah dilindungi.

Anda berhak meminta sesalinan informasi dan data peribadi anda (yang mana anda mungkin dikenakan suatu bayaran kecil), untuk menghadkan pemrosesan informasi dan data peribadi anda, dan untuk memperbetulkan apa-apa ketidaktepatan dalam informasi dan data peribadi anda. Bagi tujuan ini, anda boleh menghubungi kami seperti berikut:

Naib Presiden Kanan, Bahagian Hartanah
Malaysian Resources Corporation Berhad
Level 20, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
No telefon : +603 2786 8080
No faks : +603 2780 7988

Sekiranya anda memberi informasi mengenai orang yang lain, anda mengesahkan bahawa orang tersebut telah melantik anda untuk bertindak bagi pihaknya dan telah bersetuju bahawa anda boleh:

- memberi persetujuan bagi pihaknya untuk kami memproses informasi dan data peribadinya (termasuk informasi dan data peribadi sensitifnya);
- memberi persetujuan kepada pemindahan informasi dan data peribadinya ke luar negara;
- menerima bagi pihaknya apa-apa notis perlindungan data.

Anda boleh memberi persetujuan anda dengan:

- (1) menandatangani dan mengembalikan borang ini kepada kami secara:
 - pos kepada alamat yang disebut di atas; atau
 - faks kepada +603 2780 7988;
- (2) mengunjungi mana-mana laman web kami yang berikut:
 - <https://www.mrcb.com.my>
 - <https://www.mrcbland.com.my>
 - <https://www.klsentral.com.my>
 - <https://www.kino1.com.my>
 - <https://www.nusentral.com>
 - <https://www.sookasentral.com>
 - <https://www.puncakiskandar.com>

Sila ambil notis bahawa:

- (1) Notis ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris dan sekiranya terdapat apa-apa ketidakseragaman, versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan; dan
- (2) Kumpulan MRCB berhak untuk meminda atau mengubah Notis ini dari semasa ke semasa yang akan dikemaskinikan secara automatik pada laman-laman web kami di atas. Anda dinasihatkan untuk mengunjungi laman-laman web tersebut dari semasa ke semasa.

Saya dengan ini mengikrarkan bahawa saya telah membaca dan memahami notis di atas, dan saya bersetuju untuk memberi persetujuan saya mengikut term-terma yang disebut di atas.

.....
Nama :
No KP :
Tarikh :